

KPK serah wang rasuah hampir RM800 juta

KOSMO (4/1/2022) Page 34

Berita Seberang

JAKARTA – Suruhanjaya Pembasmian Rasuah (KPK) Jakarta memaklumkan telah menyerahkan wang berkaitan kes rasuah kepada perbendaharaan negara sebanyak 2.713 trilion rupiah (RM793.46 juta) dalam tempoh lapan tahun, lapor saluran berita *Liputan6* semalam.

Perkara itu dinyatakan oleh pemangku jurucakap KPK, Ali Fikri.

“KPK secara konsisten mengoptimalkan pemulihan aset melalui pendekatan strategi penguatkuasaan,” katanya.

Menurutnya, KPK mendeponitkan sebanyak 107 bilion rupiah (RM31.21 juta) pada 2014 dan 193 bilion rupiah (RM56.49 juta) pada 2015.

Kemudian pada 2016 pula, sebanyak 335 bilion rupiah (RM98.04 juta) dideposit berbanding 324 bilion rupiah (RM94.83 juta) pada 2017.

Jumlah yang dicatatkan pada 2018 dan 2019 masing-masing adalah sebanyak 600 bilion rupiah (RM175.6 juta) dan 468 bilion rupiah (RM136.87 juta).

Bagaimanapun, jumlah semakin berkurangan pada tahun 2020 apabila sebanyak 294 bilion (RM86.05 juta) dipulangkan tetapi meningkat pada 2021 sebanyak 374 bilion (RM109.5 juta).

“Menerusi data, jumlah pemulihan aset KPK meningkat sebanyak 80 bilion rupiah (RM23.4 juta) pada 2021 berbanding pada 2020 iaitu pada kadar 27 peratus,” jelas Ali.

Ali berkata, pihaknya akan terus memaksimumkan pemulihan kewangan negara daripada rasuah demi kesejahteraan rakyat Indonesia.

“Pemulihan aset KPK menjadi pendapatan negara bukan pajak (PNBP) sebagai sumber pembiayaan negara dalam membangun bangsa dan negara untuk kesejahteraan rakyat Indonesia,” jelasnya. – AGENSI



PEMANGKU jurucakap KPK, Ali Fikri menyatakan bahawa wang rasuah yang dirampas akan menyumbang kepada kewangan negara Indonesia. – MERDEKA.COM/IQBAL NUGROHO